

**MTEM gesa ketua pegawai eksekutif Petronas letak jawatan  
Malaysian Insider  
4 Februari, 2013  
Oleh Md Izwan**

KUALA LUMPUR, 4 Feb — Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM) hari ini menggesa presiden dan ketua pegawai eksekutif Petronas Datuk Shamsul Azhar Abbas dan kepimpinan barunya supaya meletak jawatannya kerana kegagalan melaksanakan tanggungjawab membangunkan ekonomi bumiputera dan hanya mementingkan syarikat-syarikat asing.

Semasa sidang media sempena mesyuarat agung MTEM, pengerusinya Datuk Syed Ali Al-Attas mendakwa Petronas mengambil sikap menganaktirikan golongan bumiputera walaupun berkecambah.

“Dalam mesyuarat yang kali pertama dianjurkan ini, kami sebulat suara menggesa Datuk Shamsul Azhar Abbas dan lembaga pengarahnya meletak jawatan dan mengundurkan diri.

“Sepanjang beliau memegang jawatan, kami mendapati Petronas sudah lari daripada tanggungjawabnya dan membantutkan perkembangan usahawan tempatan yang berkecambah dalam industri kecil dan sederhana,” kata beliau.

Shamsul Azhar sebelum ini pernah dilantik sebagai pemangku pengerusi sementara Petronas sebelum tempatnya digantikan oleh Tan Sri Mohd Sidek yang dilantik pada Jun tahun lalu oleh Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Najib Razak.

MTEM juga mendakwa aliran wang tunai kumpulan Petronas telah menurun pada kadar RM2.1 bilion kepada RM162.2 bilion dan keuntungan selepas cukai menunjukkan tren penurunan termasuklah penutupan operasi mereka di Sudan.

Kebimbangan juga disuarakan MTEM yang mengatakan Petronas akan mencaturkan nilai risiko bernilai RM300 bilion untuk tempoh 5 tahun hadapan ini.

Syed Ali juga menggesa pentadbiran Perdana Menteri Datuk Seri Mohd Najib Razak untuk meneliti perkara yang dibangkitkan MTEM sebelum ia memberikan impak negatif kepada syarikat minyak utama negara tersebut.

“MTEM melihat Petronas sebagai pelindung dan benteng ekonomi, sebarang perkembangan negatif harus dipantau dan diperbetulkan sebelum ia rosak serta perubahan harus berlaku sebelum pilihan raya tahun ini,” tambah beliau.

Dibawah MTEM, terdapat sebanyak 42 NGO ekonomi Melayu dan 101 NGO ekonomi bersekutu, yang mana kesemuanya telah bersepakat dengan desakan meminta Shamsul Azhar mengundurkan diri.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pengerusi-petronas-perlu-berundur-gesa-majlis-tindakan-ekonomi-melayu/>